

SIRI MONOGRAF SEJARAH BAHASA MELAYU

JAMES T. COLLINS

Dialek Melayu Sarawak



Dialek Melayu Sarawak

JAMES T. COLLINS



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1987

KANDUNGAN

Muka Surat

Senarai Lampiran	vii
Prakata	ix
Pendahuluan	xi
1. Sarawak: Masyarakat Melayu dan Bahasanya.	1
1.1 Masyarakat Melayu Sarawak	
1.2 Bahasa Melayu Sarawak	
2. Kawasan dan Kaedah Penyelidikan	17
2.1 Kawasan Kajian	
2.2 Kaedah Kajian	
3. Tatabunyi Dialek Sarawak	32
3.1 Keseragaman di Lembangan Sungai Sarawak	
3.2 Kerencaman di Sarawak Barat	
4. Pemetaan Data: Usaha Awal	50
4.1 Bentuk 'ini' dan 'mana'	
4.2 Sebutan / -a /	
4.3 Bentuk 'kabus'	
5. Jaringan Dialek Melayu di Wilayah Laut Cina Barat	62
Daya	
5.1 Kriteria Tatabunyi	
5.2 Kriteria Kosa Kata	
6. Kesimpulan dan Usul	72
Lampiran I — Senarai Nama, Umur dan Kampung Pemaklum	75
Lampiran II — Senarai Kampung Peta 2	76
Lampiran III — Senarai Kampung Peta 3	77
Lampiran IV — Daftar Kata dan Catatan Lampiran	78

BAB 1

Sarawak: Masyarakat Melayu dan Bahasanya

Harus diakui bahawa taraf pengetahuan umum tentang Sarawak agak rendah. Meskipun Sarawaklah negeri yang terbesar di Malaysia, kita belum memberikan perhatian yang padan dengan penduduk, hasil, maupun luasnya. Oleh itu, rasanya dalam bab pertama ini perlu sedikit sebanyak dibentangkan maklumat tentang masyarakat Melayu di Sarawak serta peranan bahasa Melayu di sana. Tulisan lampau tentang bahasa Melayu di Sarawak diketengahkan juga supaya hasil kajian yang dilaporkan di sini dapat dibandingkan dengan isi tulisan lampau itu. Kedua-dua bahagian ini iaitu latar belakang masyarakat Melayu dan ulasan tulisan-lampau diusahakan dengan singkat sahaja kerana laporan ini tidak bersifat kajian demografi atau budaya; lagi pun laporan ini bukan suatu bibliografi dialek Melayu Sarawak. Maklumat yang dikemukakan dalam bab ini hanya sekadar kata pengantar untuk laporan kemudian.

1.1 Masyarakat Melayu Sarawak

Walaupun penduduk Melayu Sarawak bukan golongan terbesar di negerinya, jumlahnya tidak kecil. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (1981), jumlah penduduk Melayu di Sarawak pada akhir tahun 1979 dianggarkan sebanyak 244,990 orang. Pada tahun 1970, peratus penduduk Sarawak yang berbangsa Melayu ialah 20.1%; ini dibandingkan dengan golongan terbesar, orang Iban (30.9%) dan golongan besar lain, orang Cina (27.0%).¹

¹Dalam kawasan tertentu di Sarawak peratus penduduk Melayu jauh lebih tinggi. Umpamanya, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (1981) pada tahun 1970 jumlah

Tentu banyak orang Melayu yang terlibat dalam pemerintahan negeri Sarawak. Sebenarnya, sejak zaman Brooke, orang Melayu menduduki tempat yang khusus dalam sistem pentadbiran. Tradisi itu masih wujud dalam perlantikan pegawai sekarang. Namun demikian, kebanyakan orang Melayu bekerja sebagai petani dan nelayan di sepanjang pesisir Sarawak, terutamanya di kawasan kajian. (Lihat Bab 2).

T. Harrison pernah mengendalikan suatu penelitian tentang orang Melayu di sekitar muara Sungai Sarawak. Penelitian ini diusahakan bertahun-tahun hingga menghasilkan sebuah buku, *The Malays of South-West Sarawak before Malaysia: A Socio-ecological Survey* (1970). Sebelum itu, beberapa tulisan diterbitkan juga, misalnya tulisan oleh Harrison dan Marican (1959, 1960a, 1960b). Tata hidup dan adat orang Melayu di lembangan Sungai Saribas dibeberkan pula oleh Zainal (1976). Jadi, boleh dikatakan bahawa asas untuk kajian etnografi dan sosiologi Melayu Sarawak sudah wujud. Malah, dari beberapa segi, kajian Harrison menampilkan data yang sangat teliti tentang ekonomi Melayu di pesisir Sarawak. Data yang dikumpulkan pada tahun 50-an ini perlu dibandingkan dengan hasil penelitian baru; kiranya perbandingan seperti itu berguna juga.

Gambaran yang wujud dalam tulisan Harrison itu menunjukkan sebuah masyarakat yang sedaya upaya memanfaatkan lingkungan alamia. Tentu hidup di muara Sungai Sarawak bukan hal yang mudah. Daripada sahaja suatu ditemui, sebahagian besar wilayah itu penduduk seperti yang berikut; peratus penduduk Melayu disertakan.

Orang Melayu	Jumlah	Peratus

Bahagian Pertama

Daerah Kuching	70,883	214,839	33.0%
Daerah Simunjan	16,417	31,042	52.9%
Daerah Lundu	5,563	17,847	31.1%

Bahagian Kedua

Daerah Saribas	15,961	34,767	45.9%
Daerah Kalaka	9,258	30,010	30.8%

(Di Bahagian Kedua hampir semua penduduk lain orang Iban sahaja).

berupa paya, hutan nibung dan hutan bakau. Semua kegiatan di sana bergantung pada pasang-surutnya air laut. Betapa tidak! Tanah yang ada di situ pun, menurut Harrison:

indented with numerous rivers and literally thousands of creeks, reaching upriver 8 to 10 miles...

Maka, orang Melayu di sana menjadi nelayan, pencari siput, pembuat atap, penjaga dusun, penebas kayu bakau malah ada yang menjadi penoreh getah. Semua usaha ini berpadu demi mencari nafkah di suatu lingkungan yang tidak begitu sesuai. Cara hidup yang sangat rencam ini sesuai dengan alam sekitarnya. Ternyata bahawa kampung-kampung Melayu di sekitar muara Sungai Sarawak tidak begitu tua.² Sungguhpun sudah dibuktikan bahawa kawasan muara itu berperanan sebagai bandar besar dan megah selama 600 tahun hingga abad yang ketiga belas (Harrison 1970), Cheng 1969), namun dinasikan bahawa orang yang kini mendiami daerah itu adalah keturunan penduduk zaman purbakala itu. Menurut Harrison (1970:393) sebelum pencerobohan J. Brooke (tahun 1838):

...there is nothing to suggest that there were any 'Malays' in the area.

²Menurut Harrison (1970:147-148) berdasarkan catatan rasmi, terbitan lain serta salasilah yang disusun oleh orang tua, tarikh pembentukan kampung adalah seperti yang berikut:

1860	Santubong
1865	Buntal
1880	Sungai Buah
1885	Telok Melano
1890	Bako
1895	Pasir Pandak
1910	Sibu Laut
1920	Senari
1950	Sungai Batu
1954	Siol

Kecuali Telok Melano yang kononnya bermula sebagai kampung orang Pulau Natuna, semua kampung ini merupakan pecahan daripada kampung Melayu lain, misalnya 'Kuching', 'Up-river', 'Delta', dan sebagainya.

Bahkan Cheng (1969) dengan teorinya yang agak melampau terus terang berpendapat bahawa peninggalan purbakala di muara Sungai Sarawak adalah kesan dan bukti arkeologi bagi sebuah bandar dan pusat industri besi yang didirikan oleh imigran Cina!³

Memang sudah lama menjadi pendapat penulis Barat bahawa orang Melayu hanyalah pendatang di Sarawak. Malah didakwa juga bahawa hanya setelah J. Brooke berkuasa di Sarawak baru datang orang Melayu dalam jumlah yang besar. Kemudian, menurut Harrison (1970: 394)

The communities were formed from many sources, often 'becoming Malay' only in the process.

PUSA ~~MEMERIKSA~~ ~~ASAL-USUL~~ orang Melayu di Sarawak bukanlah tujuan ~~MAPOH~~ ini. Tetapi sewajarnya dikemukakan beberapa masalah tentang dakwaan seperti ini kerana sesungguhnya hasil penelitian dialek Sarawak tidak selari dengan teori Harrison dan kebanyakannya penulis lain.

Pertama, konsep ‘Melayu’ perlu ditegaskan di sini. Rupanya, di Sarawak mungkin atas dasar politik atau sosial, konsep ‘Melayu’ diberi erti yang khas. Menurut laporan *Human Relations Area File* (1956:38)

Borneans themselves apply to term Malay to all who profess Islam, whether they be Malay proper and speakers of Malay or relatively recent converts...

Jadi, pandangan Harrison mudah muncul. Sebenarnya hujah seperti itu sudah lama dikemukakan di Sarawak. Misalnya Everett dan Hewitt (1909:3) menulis:

...Sarawak Malays are a very complicated mixture of entirely different types of people and in Sarawak there is no such thing as a Malay race.

³Hujah yang menakjubkan ini berpunca daripada pandangan sejarah yang menyimpang daripada kenyataan. Konon-kononnya ‘The South China Seas have always been a Chinese Lake ...’ (Cheng 1969:19). Dengan asas yang palsu ini, ia tidak perlu mengindahkan kesan peninggalan India yang berupa patung dan hiasan Hindu-Budha (Braddell 1949, Banks 1947). Manik-manik yang dibawa dari Eropah 2000 tahun lalu (Braddell 1947) pun tidak dikira dalam pertimbangannya. Pokoknya, asal ada seramik Cina di tempat penggalian sudah terbukti bahawa tempat itulah bekas jajahan Cina. Pandangan Cheng ini sukar diterima. Bahkan banyak bukti arkeologi yang sudah diuraikan oleh Harrison dan O’Connor (1969:(11) 330-333) yang bertentangan dengan dakwaan Cheng.

Terdapat pula kutipan Banks (1947:32)

Real Sarawak Malays look on Kaleka in the Saribas District as their ancestral home, many Kuching Malays being of Boyanese extraction and the Samarahan ones to this day referred to laughingly as Orang Pegu

Laporan ini bukan ruang yang sesuai untuk membahas prasangka yang penuh rasisme yang secara tidak sedar melatari penyataan seperti yang dibuat oleh Everett dan Hewitt di atas.⁴ Di sini cukup jika pandangan karut seperti itu diketepikan sahaja. Dalam laporan ini, orang Melayu Sarawak ditakrifkan sebagai orang yang bertutur dalam bahasa Melayu Sarawak sebagai bahasa ibundanya. Justeru ragam bahasa Melayu Sarawak begitu nyata dengan berbagai-bagi ciri khas, takrif ini dikemukakan di sini. Sifat dialek Melayu yang stabil dan khas ini menimbulkan sangsi terhadap teori Harrison atau pandangan Everett dan Hewitt. Perkara ini lebih mudah dilihat dalam bab 3 – 6. Pokoknya, identiti khas dialek Sarawak serta kepelbagaiannya daerahnya dengan ~~DOCUMENTATION~~ tentang teori pendatang Melayu.⁵

Kedua, sejarah tidak membantarkan bahawa muara Sungai Sarawak itu kosong pada awal abad yang kesembilan belas. Sudah diketahui umum bahawa pada zaman itu pesisir Sarawak dikuasai oleh ‘pembajak laut’. Perlu dicatatkan bahawa penulis sejarah Barat cepat mencirikan sebarang golongan yang menghalangi peluasan kuasa Barat sebagai ‘pembajak’, ‘pengacau’, ‘pemberontak’, ‘penghasut’, dan sebagainya. Sebahagian penduduk pesisir ini (kononnya ‘pembajak’) memang orang Melayu. Misalnya St. John (1899:65) menulis tentang *Malay pirate settlements* di Batang Lupar.

⁴Setiap bangsa besar wujud sebagai gabungan beberapa suku. Ini hanya merupakan suatu kenyataan semesta. Sejarah Eropah sudah membuktikannya. Orang Itali tidak dikatakan gabungan orang Jerman, Norman, Arab, Latin, Yunani, Albania tetapi menurut sejarah yang diketahui memang itulah kenyataannya. Nescaya Everett dan Hewitt melupakan asal usul bangsa Inggeris; gabungan Kelt, Latin, Sakson dan Norman itu. Memang terlalu mudah mencatat bangsa lain sebagai bangsa campuran; apa ertiinya?

⁵Sudah pasti orang Melayu berhijrah ke pantai dan muara Sarawak. Jika kita yakin akan teori monogenesis umat manusia, tentu semua bangsa yang wujud sekarang pernah pindah dari tempat lain! Orang Melayu di Sarawak memang pendatang sebagaimana orang Iban, orang Selako, dan orang Kenyah. Malah sejarah penghijrahan suku-suku tersebut lebih mudah ditentukan (Hang Nipa 1956: Sandin 1956). Tarikh penghijrahan orang Melayu tidak diketahui.

SIRI MONOGRAF SEJARAH BAHASA MELAYU

JAMES T. COLLINS

Dialek Melayu Sarawak



UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA BERKUNJUNG KE:

KOLEKSI BORNEO

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK

JALAN TUN DATUK PATINGGI ABD. RAHMAN YAAKOB

PETRA JAYA

93050 KUCHING, SARAWAK.

TELEFON: 082-227000

FAKS: 082-227088

ATAU HUBUNGI:

ENCIK MOHD. HAPIZAN ABDULLAH

TELEFON: 082-227048

E-MEL: mohdhapizan@dbp.gov.my

PUAN TERESA CHONG

TELEFON: 082-227052

E-MEL: teresa@dbp.gov.my

“BAHASA JIWA BANGSA”

“MEMELIHARA WARISAN MEMUPUK WAWASAN”

